



*Memo*

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

**Kepada** : Semua Anggota LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047  
**Tarikh** : 19 Oktober 2017

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
BILANGAN 17 TAHUN 2017**

**PEMANTAPAN PENGURUSAN PRESTASI DI LEMBAGA GETAH MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan minit Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil. 29/2017.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Tertinggi yang diadakan pada 10 Oktober 2017 menetapkan bahawa anggota yang gagal mengemaskini SKT dan LNPT pada tahun penilaian dan dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan tindakan selaras dengan pekeliling mengenai pengurusan prestasi yang berkuat kuasa.

3. Anggota yang tidak mengisi LNPT pada tahun penilaian dan dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan tindakan seperti berikut:-

- 3.1. ditahan kenaikan gaji tahunan;
- 3.2. tidak disahkan dalam jawatan bagi anggota yang masih dalam tempoh percubaan;
- 3.3. tidak disambung kontrak bagi anggota kontrak;
- 3.4. tidak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat;
- 3.5. tidak diluluskan cuti belajar; dan/atau
- 3.6. tidak dicalonkan untuk sebarang pencalonan pingat, bintang kebesaran, surat penghargaan dan Sijil Penghargaan Perkhidmatan Cemerlang

4. Anggota yang tidak mengisi SKT tidak layak untuk mengisi LNPT dan dikenakan tindakan seperti mana dalam para 3. Tindakan terhadap anggota yang tidak mengisi LNPT juga dikenakan terhadap anggota yang sedang cuti belajar tetapi tidak menghantar Laporan Kemajuan/*Performance Appraisal* kepada UPSM.

5. Anggota yang memperoleh markah kurang memuaskan iaitu di bawah 60% adalah tidak layak mendapat pergerakan gaji tahunan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan bil. 4 tahun 2002 (perkara 50).

6. Pergerakan gaji tahunan bagi anggota yang layak diberikan setelah mendapat perakuan Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan (JPMI). Oleh itu, sekiranya JPMI bersidang lewat daripada tarikh pergerakan gaji anggota terutamanya bagi anggota yang pergerakan gajinya adalah Januari, bayaran akan dibuat secara tunggakan setelah mendapat perakuan JPMI.

Sekian, harap maklum.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”*



**(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)**